

Kerajaan masih kaji kaedah salur bantuan

Ibu bapa, guru dan orang awam berharap kaedah secara telus dan berkesan

Oleh SITI AISYAH NARUDIN dan NIK JASNI CHE JAAFAR

utusanborneokk@gmail.com

UB 27/10/2011 B12

KOTA KINABALU:

Pengumuman yang dibuat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, tentang bantuan awal persekolahan untuk pelajar sekolah rendah dan menengah di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan dalam Bajet 2012 baru-baru ini melegakan semua pihak, terutamanya ibu bapa.

Bagaimanapun, kerajaan ketika ini masih mengkaji pendekatan dan kaedah terbaik untuk menyalurkan bantuan terbabit dengan menukuasakan sebuah jawatankuasa untuk memperincikannya.

Tinjauan Utusan Borneo (UB) mendapati para ibu bapa, guru dan orang awam

mahuca kaedah yang lebih telus dan berkesan yang boleh menjamin bantuan terbabit sampai kepada pelajar.

Antara langkah yang dicadangkan adalah seperti melalui akaun bank ataupun dalam bentuk wang tunai.

Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SK Pengiran Siti Hafsa Karambunai, Aslamaitulakma Mohamad berkata pemberian melalui akaun bank adalah lebih baik memandangkan pemberian secara tunai pula mungkin akan menyebabkan ada pelajar yang tercicir ketika proses penyerahan sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan.

"Sebelum ini, kita selalu mendengar khabar tentang bantuan yang diberikan tidak sampai kepada pelajar menabung. Kepada anak-anak dari keluarga yang



MATZIN



NOORAZAM



ISLAMIAH



ASLAMAITULAKMA



ZAITON

yang mungkin 'pilih kasih'. Jadi kita tidak mahu perkara itu berlaku kali ini apatah lagi bantuan terbabit sepatutnya diterima semua pelajar sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan.

Dalam pada itu, Aslamaitulakma berkata kerajaan sudah mengumumkan pemansuhan yuran sekolah, jadi tiada sebab ibu bapa

kurang berkemampuan pula, ini merupakan peluang mereka untuk menyimpan sebanyak itu dalam akaun sendiri," katanya kepada UB, kelmarin.

Dalam pada itu, Aslamaitulakma berkata kerajaan sudah mengumumkan pemansuhan yuran sekolah, jadi tiada sebab ibu bapa

masih berdolak-dalik menyatakan kesusahan mereka untuk menyediakan keperluan sekolah anak-anak mereka.

Beliau juga berpendapat agihan bantuan itu perlu dilaksanakan melalui waran iaitu pelajar harus buka akaun untuk tunaikannya bagi mengelakkan keciciran atau salah guna bantuan jika diberikan secara tunai.

Bagi Pegawai Psikologi dan Kaunseling Universiti Malaysia Sabah (UMS), Zaiton Mohamad, bantuan awal persekolahan itu boleh diberikan dalam bentuk tunai untuk memudahkan ibu bapa membeli keperluan sekolah anak-anak mereka.

"Ini kerana jika diberikan dalam bentuk bantuan barang seperti bantuan-bantuan lain yang pernah disalurkan sebelum ini, mungkin akan berlaku masalah pakaian sekolah atau kasut yang diberikan dalam saiz yang tidak tepat.

"Pemberian melalui akaun bank juga boleh menjadi alternatif kerana jika ibu bapa sudah membeli keperluan pelajar lebih awal, bantuan awal itu boleh disimpan dan digunakan kemudian apabila perlu," katanya yang menambah, pemberian bantuan seperti ini seharusnya telus memandangkan ia penting untuk membantu ibu bapa yang tidak berkemampuan.

Rakyat negara ini harus berterima

kasih dan menghargai bantuan kerajaan yang mementingkan aspek pendidikan rakyat, katanya sambil berharap pelajar di negara ini akan lebih berdaya saing dan kreatif dalam menuntut ilmu.

Matzin Musa pula berpendapat keprihatinan kerajaan melalui bantuan awal persekolahan sebanyak RM100 adalah satu usaha yang mampu meringankan beban ibu bapa.

Ayah kepada dua orang anak yang bersekolah ini berkata, kaedah terbaik untuk menyampaikan bantuan berkenaan adalah melalui akaun bank masing-masing.

Ini kerana, katanya, ia lebih menunjukkan ketulusan kerajaan dalam menyampaikan bantuan dan sekaligus mengelak sebarang penyelewangan daripada pihak yang tidak bertanggungjawab.

"Selain itu, pelajar yang mempunyai ibu bapa berpendapat tinggi sepatutnya tidak perlu menerima bantuan ini dan tumpuan harus diberikan kepada mereka yang betul-betul memerlukan," katanya.

Jelasnya, dengan kaedah berkenaan, rakyat lebih mengetahui sumbangan yang mereka terima melalui bantuan itu.

"Penyaluran melalui akaun bank pun satulangkah yang baik, tapi ia pasti menyukarkan penerima yang tidak mempunyai akaun bank."

"Jadi, bagi memudahkan semua penerima, penyampaian melalui pihak sekolah itu lebih baik untuk dilaksanakan," katanya.

Bagi guru seperti Islamiah Ramly Sham, kaedah penyaluran melalui akaun bank adalah langkah terbaik untuk menyampaikan bantuan awal persekolahan RM100.

Namun, pemantauan ibu bapa perlu ada terutamanya kepada pelajar sekolah menengah agar bantuan itu dibelanjakan ke arah yang sepatutnya.

"Kalau pihak sekolah yang menyampaikan bantuan ini, ia mungkin akan mengganggu urusan persekolahan kerana banyak lagi perkara yang perlu diselesaikan oleh pihak sekolah.

"Justeru, ibu bapa yang masih lagi belum membuka akaun bank untuk anak-anak perlu melakukannya bagi memudahkan sistem penyaluran bantuan itu nanti," katanya.

Noorazam Ahmad yang juga seorang penjawat awam berpendapat bantuan berkenaan lebih baik disampaikan oleh pihak sekolah.

Jelasnya, dengan kaedah berkenaan, rakyat lebih mengetahui sumbangan yang mereka terima melalui bantuan itu.

"Penyaluran melalui akaun bank pun satulangkah yang baik, tapi ia pasti menyukarkan penerima yang tidak mempunyai akaun bank."

"Jadi, bagi memudahkan semua penerima, penyampaian melalui pihak sekolah itu lebih baik untuk dilaksanakan," katanya.